



**PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH NASIONAL  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN SEMAKAN SEMULA SEPARUH PENGGAL NACP 2019-2023**

1. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah menerbitkan **Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023** setelah ianya dibentangkan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 19 Mei 2021.
2. Laporan Semakan Semula ini mengandungi senarai inisiatif **Pelan Antirasuah Nasional (NACP)** yang telah ditambahbaik dan disesuaikan dengan dasar dan fokus kerajaan semasa. Oleh kerana NACP merupakan satu dokumen merentas masa (*living document*), maka penyelarasan inisiatif yang dibuat masih mengekalkan enam bidang keutamaan khusus iaitu Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-undang dan Tadbir Urus Korporat .
3. Untuk makluman naskhah asal NACP yang diterbitkan pada tahun 2019 telah menggariskan **115** inisiatif dan sebanyak **29** inisiatif telah selesai dilaksanakan. Semakan Separuh Penggal NACP telah menilai Kembali inisiatif-inisiatif NACP dan memutuskan hanya **82** inisiatif akan diteruskan pelaksanaannya oleh **27** Ketua Agensi Peneraju.
4. Antara inisiatif yang akan diberikan keutamaan untuk dilaksanakan adalah mewujudkan undang-undang khusus atau peraturan keterlibatan pihak ketiga (***beneficial ownership***) bagi meningkatkan ketelusan perolehan kerajaan serta inisiatif berkaitan kajian Akta Perlindungan Pemberi maklumat antara inisiatif NACP yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan.

5. Semua kementerian dan agensi peneraju diingatkan supaya menyegerakan tindakan pelaksanaan inisiatif-inisiatif NACP supaya hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah melalui peningkatan governans dan integriti dapat direalisasikan.
  
6. Laporan Semakan Separuh Penggal NACP boleh diakses melalui laman web GIACC di <https://giacc.ipm.gov.my> . [TAMAT]

**KETUA PENGARAH  
PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH NASIONAL  
30 JUN 2021**